Keamanan dunia tuntut iltizam: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Pemimpin semua negara di dunia harus mempunyai kemahuan serta sedia berperanan besar jika mahu mencapai Keamanan sejagat. kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, walaupun wujud perbezaan, idea mencapai keamanan sejagat mesti serasi atau sekurang-kurangnya pendekatan perlu sepadan dalam kaedah dan strategi.

Katanya, perkara itu dinyatakan beliau kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush semasa pertemuan mereka di New York bulan lalu.

"Saya nyatakan jika kita mahu keamanan sejagat, setidak-tidaknya kita mempunyai idea sama bagai mana untuk melakukannya.

"Jika ia tidak benar-benar sama, idea itu mesti sepadan. Ini juga serasi dalam strategi dan pendekatan.' katanya dalam temu bual bersama pengacara program Talk Asia, Anjali Rao yang disiarkan CNN semalam.

Abdullah ditanya mengenai. hasil perbincangannya dengan Presiden Amerika Syarikat itu mengenai usaha mewujudkan keamanan sejagat ketika perpecahan dunia Islam dan Barat semakin meluas.

Perdana Menteri juga menjelaskan Barat gagal memahami Islam sebagai agama keamanan kerana tindakan segelintir pelampau menggunakan agama sebagai alasan melakukan kekerasan.

Katanya, ia diburukkan lagi dengan peristiwa 11 September yang menyebabkan persepsi bukan Islam terhadap agama itu dan seolah-olah tiada lagi ruangan bagi mewujudkan hubungan baik.

"Sudah tentu peristiwa seperti apa yang berlaku (di Bali), amat Sukar untuk kami jelaskan terutama jika mereka yang terbabit berkata: 'Kami melakukan atas nama Islam', itu akan menjadi masalah," katanya.

Abdullah juga menafikan pelampau Islam mengambil pengajaran al-Quran sebagai alasan bertindak sedemikian.

"Seseorang itu tidak boleh melakukan keganasan, terutama jika ia menjurus kepada kemusnahan terhadap apa yang anda capai," katanya.

> *"Hukum Tuhan amat jelas iaitu seseorang tidak boleh melakukan keganasan"*
>
> **Abdullah Ahmad Badawi**
> *Perdana Menteri*

Mengenai penghinaan yang dirasai umat Islam seluruh dunia berikutan tindakan, Barat yang berat sebelah, Perdana Menteri berkata, beliau sendiri merasainya.

Abdullah berkata, Barat gagal memahami Islam sebagai amalan dan cara hidup seharian dan bukan sesuatu yang disimpan di rumah.

"Bagi orang Islam, agama itu penting. Apa yang dilakukan. terikat dengan ajarah Islam," katanya.

Abdullah juga berkata, Pope tidak sewajarnya membuat kenyataan kontroversi menyentuh sensitiviti dan menimbulkan kemarahan umat Islam di seluruh dunia baru-baru ini.

"Pope tidak perlu membangkitkannya. Mengapa perlu mengatakannya dalam keadaan sekarang?" katanya.